

**"PENYELESAIAN MASALAH GEJALA SOSIAL DI  
MALAYSIA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM"**

Oleh

**Y.BHG. PROFESOR MADYA DR. RAHIMIN AFFANDI  
ABD RAHIM**


(Pensyarah, Jabatan Fiqh Dan Usul,  
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)

**Y.BHG. EN. MUSTAFA ABDULLAH.**

(Pensyarah, Jabatan Al-Quran dan Sunnah,  
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)

Jabatan Mufti Negeri Selangor

**Seminar  
Pembangunan  
Ummah**  
Peringkat Negeri Selangor



## PENGENALAN

Sebagai asas perbincangan, kita mengakui bahawa krisis sosial membabitkan golongan remaja memang wujud dengan begitu meluas di Malaysia dan kita sepatutnya perlu memandang masalah ini secara lebih serius lagi, dengan menjadikan program menangani isu ini sebagai agenda utama negara, seperti mana halnya dengan penumpuan khusus yang telah dilakukan untuk membangunkan semula sektor ekonomi negara yang terjejas teruk akibat daripada krisis kewangan tahun 1998 dahulu. Apa yang jelasnya, bersesuaian dengan gagasan pembangunan ala Malaysia yang lebih mampan dan seimbang di antara elemen fizikal dan spiritual, bertentangan dengan konsep pembangunan ala barat, kita tidak boleh menganggap isu ini sebagai masalah kecil, berasaskan kepada dua asas yang utama; pertamanya, masalah ini timbul membabitkan golongan remaja yang merupakan penduduk Malaysia terbesar dan dapat dikatakan sebagai kader pelapis yang bakal mewarisi tampuk pemerintahan negara suatu masa nanti. Keduanya, kegagalan membangunkan potensi golongan remaja ini bakal menjejaskan program pembangunan yang telah dijalankan, seperti halnya banyak wang negara yang terpaksa digunakan untuk memulihkan kalangan penagih dan pengidap penyakit AIDS.

Oleh sebab itu, kajian ini akan cuba untuk melihat masalah sosial remaja ini secara lebih realistik, holistik dan mengamalkan pendekatan *solutionist*, dengan cara mengemukakan plan bertindak yang difikirkan boleh mengatasi masalah ini. Sebaiknya, dalam soal ini, semua pihak berwajib di Malaysia, merangkumi pihak kerajaan, NGO, ibu bapa, parti politik Melayu dan ulama' perlu bersikap terbuka dan berlapang dada di dalam menerima cadangan yang diberikan ini.

## PEMBENTANGAN REALITI MASALAH SOSIAL DI KALANGAN REMAJA DI MALAYSIA

Bersesuaian dengan teori yang mengatakan sesuatu masyarakat pasti akan terpengaruh dengan difusi budaya luar, teori ini dapat dianggap sebagai cukup relevan untuk konteks era globalisasi pada masa sekarang, yang menyaksikan bagaimana difusi pengaruh negatif daripada luar dapat dikesan dengan cukup meluas

berkembang di dalam masyarakat Malaysia semasa. Merujuk khusus kepada kalangan remaja yang dikatakan belum mempunyai kematangan diri dan emosi, beberapa kajian semasa telah menunjukkan golongan remaja Melayu ini paling teruk dipengaruhi dengan elemen budaya kuning yang dibawakan oleh arus globalisasi.

Hasil penelitian yang dibuat terhadap dapatan kajian semasa yang mempunyai kaitan langsung dengan perkembangan personaliti masyarakat Melayu, kita akan mendapati beberapa perkara yang amat mengemparkan telah berkembang;

- (i) Kebanyakan masyarakat Melayu moden telah dikesan mengidap penyakit psikologi yang agak kronik, penyakit gelisah dan hilang pertimbangan akal yang kemudiannya telah menyebabkan berlaku pelbagai tindakan buruk seperti bunuh diri, menagih dadah dan arak, murtad, bohsia dan mengamalkan "*free-sex*". Kajian ini mendapati punca utama penyakit gelisah ini berlaku adalah akibat dari tindakan tidak menuruti kehendak agama seperti meninggalkan kewajipan sembahyang lima waktu.
- (ii) Golongan remaja Melayu yang menjadi pengguna terbesar internet (*cyber cafe*) telah dijangkiti ketagihan internet yang agak teruk (*cyber mania*). Kalangan ini didapati menggunakan saluran internet bukannya untuk tujuan pendidikan, tetapi sebagai sumber untuk mendapatkan hiburan yang lebih bebas tanpa kongkongan keluarga, yang berupa permainan video, pornografi, berkenalan (*cit-cat*) dan mengisi masa lapang dengan kegiatan yang tidak berfaedah.
- (iii) Kajian yang mendapati bahawa ikatan dan fungsi keluarga Melayu moden sebagai penjaga dan pendidik emosi anak-anak telah mula terhakis yang kemudiannya menyebabkan pelbagai masalah sosial remaja yang cukup kronik. Berikutan dengan faktor asas ini, golongan remaja Melayu lebih terpengaruh dengan budaya di luar keluarga seperti media massa dan rakan sebaya. Akibat daripada pengaruh media massa, mereka lebih mudah terjerumus dengan hiburan yang mementingkan keseronokan yang melampaui batas, sensasi,

*glamour* dan sindrom kurang tahan iman. Manakala pengaruh rakan sebaya pula menyebabkan mereka terlibat dengan budaya melepak dan pelbagai masalah sosial lain seperti ketagihan dadah, arak, berjudi, menonton video lucu, "*free-sex*", dijangkiti penyakit AIDS dan banyak lagi masalah lain.

- (iv) Kajian yang mendapati kalangan remaja Melayu secara terang-terangan mengaku tanpa segan silu terlibat dalam amalan "*free-sex*" dan menganggap ianya sebagai perkara biasa dan lumrah bersesuaian dengan stail hidup zaman moden, seperti mana ditonjolkan di dalam media massa moden.
- (v) Kajian yang mendapati ramai daripada kalangan remaja Melayu telah terlibat dengan budaya bohsia dan bohjan. Antara ciri-ciri budaya ini adalah remaja bawah umur yang mengamalkan seks bebas sebagai cara untuk mendapatkan keseronokan nafsu semata-mata tanpa disertakan dengan rasa bersalah, mengamalkan seks bebas secara "*one night stand*" dengan sesiapa sahaja tanpa sebarang ikatan cinta dan menganggap gadis yang telah hilang dara sebagai memiliki status yang tinggi di dalam masyarakat hidup moden.
- (vi) Kajian yang mendapati bagaimana masalah disiplin juvana samada berat ataupun biasa telah menjadi fenomena biasa di kalangan pelajar-pelajar sekolah di Malaysia.
- (vii) Kajian dan catatan peratusan pengidap penyakit AIDS yang cukup besar di kalangan remaja Melayu, yang dikeluarkan oleh hospital di seluruh Malaysia. Apa yang membimbangkan pula, kadar peratusan ini semakin bertambah dari tahun ke setahun, walaupun pelbagai usaha penerangan tentang penyakit ini telah dijalankan.
- (viii) Kajian yang mendapati bagaimana tabiat pembacaan remaja Melayu yang lemah, di mana mereka lebih mengutamakan bahan bacaan yang tidak membina minda dan daya intelektual, merangkumi hiburan, jenaka, sukan dan bahan lucu. Pendek kata, mereka telah terjerumus ke dalam

budaya bebalism yang cukup meruncing akibat dari ketiadaan budaya ilmu yang sihat.

- (ix) Kajian yang mendapati remaja Melayu lebih menjadikan golongan artis, model dan ahli sukan sebagai model ikutan melebihi segala ketokohan lain.
- (x) Kajian yang mendapati remaja Melayu terlibat secara serious dengan budaya rock yang melampau. Apa yang membimbangkan adalah budaya ini dicirikan dengan beberapa sifat yang bertentangan dengan budaya ketimuran. Antaranya, corak budaya yang dihayati oleh pendokong budaya rock adalah dilambangkan dengan bentuk pakaian yang tidak terurus, kotor, tidak senonoh, lucah, kasar, memuja syaitan, mengalakkan pengambilan dadah dan mengamalkan seks bebas.

Dilihat kepada semua paparan yang telah diberikan ini, secara terang-terangan remaja Melayu telah dilanda dengan krisis sosial yang cukup meruncing membabitkan semua aspek yang terpenting (aspek kognitif, efektif dan psikomotor) di dalam pembentukan jiwa seseorang remaja Islam. Hal ini boleh dilihat dari dengan lemahnya pegangan iman, hilangnya pengaruh ibu-bapa, ketergantungan mereka kepada pengaruh rakan sebaya yang tidak mampu berfikir dengan waras dan terpaksa hidup di dalam suasana masyarakat yang penuh dengan budaya mungkar.

### **BAGAIMANA SIKAP KITA UNTUK MENANGGANI MASALAH SOSIAL REMAJA.**

Pada dasarnya, berasaskan kepada pengamatan semasa, terdapat beberapa pendekatan yang telah diambil oleh kalangan masyarakat untuk menghadapi isu krisis sosial remaja ini. Antaranya;

- (1) Sikap tidak kesah dan tidak mepedulikan apa yang berlaku, selama mana ianya tidak mengganggu ketenteraman diri dan sumber rezeki mereka sendiri. Pendekatan ini dikesan telah diambil oleh kebanyakan kalangan masyarakat Melayu selepas merdeka, termasuklah golongan keluarga kelas

pertengahan Melayu yang terhasil dari dasar DEB. Bagi golongan ini, pencapaian kejayaan seseorang anak-anak lebih dinilai dari sudut pencapaian akademik yang tinggi tanpa mempedulikan mutu akhlak yang dimiliki oleh anak-anak. Bahkan, dalam sesetengah kes, ibu bapa sendiri yang bertanggungjawab menjerumuskan anak-anak mereka ke lembah kemaksiatan, dengan mengambil sikap yang tidak kesah, sebagai contohnya terhadap hubungan “free-sex” yang diamalkan oleh anak-anak mereka.

- (2) Sikap opportunistik yang turut serta menyediakan sumber dan saluran ke arah mewujudkan budaya mungkar, untuk mengaut keuntungan yang besar hasil daripada krisis sosial yang melanda golongan remaja Melayu. Berasaskan paradigma ala sekularisme yang lebih mementingkan aspek materialisme melebihi pertimbangan keagamaan, kalangan peniaga Melayu ini telah menggunakan pendekatan pemikiran “*literal thinking*” (Edward De Bono) dengan melihat setiap krisis yang timbul di dalam masyarakat secara positif, demi untuk menyediakan peluang dan saluran perniagaan yang bakal menguntungkan mereka. Apa yang menyediakan lagi, golongan korporat Melayu baru yang kerap dibanggakan bersama-sama dengan media massa perdana telah merebut peluang perniagaan ini dengan menyediakan saluran yang kondusif ke arah menghidupkan budaya mungkar kepada golongan remaja Melayu melalui program-program hiburan yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam, tanpa mempedulikan tanggungjawab sosial yang sepatutnya dijalankan untuk kesejahteraan masyarakat. Dalam banyak hal penyebaran seni hiburan yang keterlaluan ini telah dikaitkan dengan taktik utama gerakan Zionisme Sedunia yang bertujuan melemahkan daya ketahanan dan intelektual ummah, yang dicatatkan menekankan “agar orang ramai itu sendiri tidak dapat mengagak apa yang sebenarnya diberikan kepada mereka, kita akan terus mengalihkan pandangan mereka daripadanya dengan memberikan hiburan-hiburan. Permainan-permainan, hobi, keghairahan, istana-istana tidak lama kemudian, di akhbar kita akan mula menganjurkan peraduan-peraduan di dalam bidang kesenian, kesukanan dan yang sebagainya; minat di dalam perkara-perkara ini akan dapat mengalihkan perhatian

mereka daripada persoalan yang mungkin memaksa kita untuk menyanggahnya“.,

- (3) Sikap yang prihatin terhadap keburukan masalah ini tetapi masih mempunyai beberapa kelemahan yang utama. Kelemahan yang dimaksudkan adalah:
  - (i) Tidak mengemukakan jalan penyelesaian secara mikro terhadap masalah dan mengambil sikap simplistik yang mendakwa jalan penyelesaian masalah dapat dibuat dengan mudah, dengan cara merujuk kepada Al-Quran dan As-Sunnah, tanpa disertakan dengan “blueprint” yang lengkap yang lebih sesuai dengan realiti Malaysia moden.
  - (ii) Mengambil sikap dan kaedah berfikir ala pembenaran sebagai lawan kepada kaedah berfikir ala autokriti yang mempersalahkan semua perkara kepada pihak kerajaan tanpa menganggap saham kesalahan mereka juga patut diambilkira. Apa yang lebih teruk lagi, sikap ini diperburukkan lagi dengan semangat fanatik kepartian yang mendakwa masalah sosial ini wujud disebabkan proses pemodenan yang dijalankan di Malaysia. Bagi golongan ini, cara dan kaedah terbaik untuk mengatasi isu ini adalah dengan mengamalkan pendekatan “backward looking”, kembali kepada zaman silam yang lebih murni sifatnya?
- (4) Sikap dan paradigma ala intelektual yang mengabungkan pelbagai pendekatan yang utama iaitu:
  - (i) sikap prihatin dan menganggap masalah ini sebagai tanggungjawab bersama bagi semua lapisan masyarakat, memandangkan golongan remaja boleh dianggap sebagai masa depan sesebuah masyarakat,
  - (ii) mementingkan pendekatan yang mencari punca dan mencadangkan jalan penyelesaian masalah secara mikro,

- (iii) perlu menghargai struktur, mekanisme dan sistem penyelesaian masalah yang sebelumnya telah dijalankan di dalam masyarakat (paradigma evolusi),
- (iv) berusaha melakukan kajian dan mencuba model penyelesaian masalah yang difikirkan perlu,
- (v) berusaha memantau keberkesanan cara penyelesaian masalah yang dikemukakan.
- (vi) berusaha menjalin dan menghidupkan jalinan ummah Islam sedunia bagi mempelajari kaedah penyelesaian masalah yang lebih sesuai untuk konteks zaman moden.
- (vii) tidak merasa cukup dan berpuas hati dengan segala pencapaian positif yang terhasil daripada kesedaran kebangkitan semula Islam di tahun-tahun 1970-1980an, memandangkan pada masa yang sama penyebaran fahaman sekularisme tetap juga secara utuh berkembang di Malaysia seiringan dengan timbulnya kesedaran Islam.

Apa yang jelasnya, dari kesemua paradigma yang dikemukakan di atas, kita terpaksa menggunakan pendekatan yang keempat, memandangkan ianya lebih bertepatan dengan idealisme perjuangan Islam yang mementingkan kesejahteraan agama, diri dan anggota masyarakat melebihi kepentingan lain. Kesemua kepentingan ini perlu diadun dengan cukup rapi sehingga menjadikannya lebih bersifat bersepadu di antara taktik dan matlamat yang mengaitkannya dengan kerangka pencarian kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Apa yang lebih penting lagi, sejarah telah membuktikan bagaimana penggunaan kaedah yang keempat ini telah mampu membangun suatu bentuk tamadun Islam jitu di antara kepentingan kebendaan dunia yang bersifat sementara, tetapi perlu diutamakan untuk ketinggian agama Islam, dengan kepentingan akhirat yang lebih bersifat abadi.



## PLAN TINDAKAN UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH SOSIAL REMAJA

(a) **Review terhadap kaedah dan program menangani masalah sosial remaja yang telah dijalankan.**

Bersesuaian dengan nama baik yang dinisbahkan kepada Malaysia sebagai sebuah Negara Islam contoh yang banyak menyumbangkan ke arah mewujudkan konsep-konsep Islam yang bersifat progresif untuk tatapan dunia antarabangsa, kita akan mendapati bagaimana banyak pihak termasuklah pihak kerajaan sendiri telah menunjukkan penggunaan paradigma keempat, menunjukkan keprihatinan yang lebih terhadap masalah sosial golongan remaja. Hal ini terbukti dengan wujudnya pelbagai program khusus yang dirangka untuk mengatasi masalah ini. Antaranya;

- (1) Usaha penilaian dan pembaikan yang berterusan telah dilakukan terhadap sistem pendidikan negara. Sebagai contohnya, pengaruh dari gelombang kebangkitan Islam yang berlaku di tahun 1970an telah mendorong pihak kerajaan untuk melakukan penilaian terhadap sistem pendidikan negara, apabila pelbagai kegagalan akibat dari pengekalan dasar pendidikan ala barat telah dikesan dengan meluas di Malaysia. Hal ini telah dijelaskan sebagai;

*"hasil kajian semula dasar pendidikan nasional bagi jangka waktu 1975-1980 yang dikeluarkan pada tahun 1979 mendapati jurang perbezaan yang ketara di antara pencapaian akademik dan kemahiran yang agak baik berbanding dengan tahap kemerosotan pembentukan sahsiah insan yang dihasilkan, dan sesuatu yang konkrit harus dilakukan sebelum keadaan menjadi lebih serius."*

Apa yang jelasnya, terdorong dengan masalah krisis moral ini yang terhasil daripada kegagalan sistem pendidikan sebelumnya, suatu jawatankuasa kabinet telah ditubuhkan untuk mengkaji persoalan ini, dan sebagai hasil beberapa perubahan telah dijalankan, seperti;

- (i) Nama Kementerian Pelajaran telah ditukar kepada Kementerian Pendidikan Malaysia yang membawa paradigma berbeza iaitu Kementerian yang bakal memberikan pendidikan sejati ke arah yang lebih bersesuaian dengan prinsip moral dan bukannya terhad kepada pemberian pelajaran semata-mata.
- (ii) Falsafah Pendidikan Negara yang berteras konsep kesepaduan antara intelek, emosi, rohani dan jasmani telah diwujudkan. FPN ini berbunyi : "Pendidikan di Malaysia adalah usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah usaha untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. "Apa yang jelasnya, usaha mewujudkan FPN ini secara langsung menunjukkan bagaimana teori menyepadukan antara elemen roh, jasad dan akal yang bakal menghasilkan manusia yang mempunyai keseimbangan emosi telah diterapkan dalam sektor pendidikan di Malaysia sehingga kepada asas yang paling "*substance*" sekali.
- (iii) Bagi menghidupkan FPN ini dua bentuk kurikulum baru yang mengamalkan sistem pendidikan bersepadu, KBSR dan KBSM telah diwujudkan menggantikan sistem kurikulum yang lama. Kedua-dua KBSR dan KBSM ini memberikan penekanan asas kepada usaha pembentukan sahsiah, peribadi, emosi dan semangat tanggungjawab kepada diri, masyarakat dan alam sekitar.

Ketiga-tiga perkara ini secara langsung dilakukan bagi menghadapi masalah sosial yang bakal berkembang di dalam masyarakat yang sedang di dalam proses pemodenan, yang biasanya berpunca dari faktor mengabaikan ketiga-tiga

elemen roh, jasad dan emosi di dalam pembentukan personaliti seseorang remaja.

- (2) Program latihan dakwah yang dikhususkan kepada golongan remaja yang telah diusahakan oleh pihak kerajaan dan NGO Islam yang merangkumi antara lain;
  - (i) Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, di bawah Unit Kursus dan Latihan (INDAH) telah mengadakan program khusus untuk remaja di sekolah dan universiti tempatan. Ianya lebih berbentuk kursus kepimpinan dan motivasi Islam yang dilakukan dalam bentuk ceramah biasa, bengkel latihan dan permainan.
  - (ii) Kementerian Belia dan Sukan, melalui unit Hal Ehwal Agama telah mengatur program dakwah untuk belia. Ianya seperti seminar kefahaman Islam, seminar dakwah dan kepimpinan Islam, seminar kepimpinan belia Islam dan muzakarah dakwah kepimpinan belia kebangsaan.
  - (ii) YADIM telah mengatur beberapa program khusus untuk remaja seperti program al-Falah, bengkel cuti sekolah, kursus kepimpinan pelajar dan dakwah belia negara.
  - (iv) Masjid Negara telah mengadakan program kelas pendidikan Islam kanak-kanak, kursus kesedaran Ramadhan, bengkel Fardu Ain remaja Islam, strategi lulus peperiksaan cemerlang, kelas bimbingan peperiksaan SRP dan SPM, program pembentukan generasi Islam cemerlang dan kursus pembelajaran yang berkesan.
  - (iv) ABIM mengatur program khusus untuk remaja melalui projek pembangunan belia iaitu untuk belia secara umum dan program Embun Hidayat, untuk belia yang bemasalah. Antara program Embun Hidayat yang diatur adalah rekreasi, berkelah dan bersukan di samping ceramah-ceramah agama.

Secara jelas, kita dapat melihat bagaimana kesemua program latihan yang diusahakan ini dirancang khusus dengan mengambilkira kesesuaiannya dengan psikologi dan mentaliti golongan remaja yang biasanya inginkan kebebasan, peluang berinteraksi dengan rakan sebaya, sukakan hiburan dan menghargai "outdoor" aktiviti.

- (4) Penyediaan program belia yang memberi peluang kepada usaha membimbing bakat semulajadi yang bermanfaat yang dimiliki oleh kalangan remaja, seperti program Rakan Muda, Rakan Waja Diri, Rakan Sukan, Brigded Rakan Muda dan sebagainya.
  - (5) Penyediaan peluang pendidikan yang mengamalkan konsep pendemokrasian pendidikan yang memberi peluang yang agak luas dan liberal kepada golongan remaja yang tercicir untuk melanjutkan pelajaran mereka di dalam pelbagai bidang teknikal di beberapa institusi pendidikan negara yang terpilih.
- (b) **Menerapkan pendekatan strategik ala Islam (penetapan visi perjuangan dan perancangan SWOT) di dalam proses menilai keberkesanan program yang sedia ada dan mewujudkan program pembasmian masalah sosial remaja Islam.**

Dewasa ini, demi untuk meningkatkan prestasi sesuatu organisasi, para sarjana pengurusan telah memperkenalkan pendekatan pengurusan strategik ke dalam sesuatu organisasi yang hendak dipertingkatkan mutu perkhidmatannya. Asalnya, perancangan strategik ini telah diterima pakai oleh pihak ketenteraan yang bertujuan untuk memastikan pihak tentera yang terbabit sentiasa berada setapak lebih ke hadapan berbanding dengan pihak musuhnya. Kemudiannya, dengan kejayaan perancangan ini yang mampu meningkatkan mutu sesuatu angkatan tentera, ianya telah dilanjutkan untuk dipakai di dalam pengurusan organisasi biasa (bukan tentera). Secara kasarnya, perancangan strategik ini mengandungi beberapa pendekatan dan plan bertindak;

- (1) Penetapan visi, misi dan wawasan yang hendak dicapai oleh sesuatu organisasi.
- (2) Analisa SWOT terhadap anggota dan struktur dalam sesuatu organisasi.
- (3) Perancangan SMART yang dirangka oleh sesuatu organisasi.

Berasaskan pengalaman sejarah yang mencatatkan bagaimana umat Islam silam telah berjaya membina suatu tamadun kebendaan dan intelektual yang cukup cemerlang, yang dibuat melalui proses sintesis (belajar dari tamadun luar, analisa sebab kejayaan dan menokok tambah elemen yang baik dengan nilai-nilai Islam), kita juga pada zaman moden ini boleh menggunakan pendekatan yang sama, di dalam usaha hendak meningkatkan mutu kualiti pencapaian ummah Islam. Ringkasnya, kita boleh dan patut menggunakan pendekatan strategik ini di dalam merangka program bertindak untuk sesuatu program Islam.

Namun begitu, perlu ditegaskan bahawa sebelum pendekatan strategik ala barat ini boleh diterima pakai, ianya terlebih dahulu perlu melalui dua proses penapisan, pertama, kita perlu menilai samada perancangan strategik ala barat ini telah diresapi dengan fahaman sekularisme barat yang bertentangan dengan prinsip Tauhid. Keduanya, demi untuk mendapatkan asas kekuatan Islam, kita perlu memamatkan lagi pendekatan strategik ini dengan menerapkannya dengan sumber Naqli (Al-Quran dan As-Sunnah), dan tidak hanya bergantung kepada pemikiran manusia biasa yang bersifat relatif.

Hasilnya, selepas kedua-dua tapisan dan proses pematangan ini dibuat, kita boleh merangka program kepimpinan Islam alaf baru yang mengandungi beberapa pendekatan strategik. Antaranya:-

**(1) Penetapan visi, misi dan wawasan yang hendak dicapai oleh sesuatu organisasi Islam.**

Penetapan ini difikirkan amat perlu demi untuk sentiasa mengingatkan organisasi Islam tersebut tentang matlamat yang hendak dicapai. Ia boleh dikatakan sebagai asas utama sesuatu organisasi yang perlu diperhatikan dan dihayati oleh setiap anggota kumpulan terbabit. Proses penetapan visi, misi dan wawasan ini boleh dibuat dengan mengetahui dan mengambilkira beberapa prinsip asas Islam yang terpenting dan menerapkannya di dalam visi, misi dan wawasan ini. Antara prinsip-prinsip asas Islam yang dimaksudkan adalah:-

- (a) Pengetahuan tentang hakikat kejadian manusia-dengan menanyakan beberapa persoalan utama; (i) dari mana, (ii) untuk tujuan apa dan (iii) ke mana akhir perjalanan hidup dan matlamat manusia. Apa yang jelasnya, semua persoalan penting ini boleh dijawab melalui pemahaman konsep khalifah Allah, realiti lima alam yang terpaksa dilalui oleh setiap manusia, syurga dan neraka dan pembalasan hari akhirat.
- (b) Pengetahuan tentang keperluan asas yang diperlukan oleh seseorang manusia untuk menjalani kehidupan ini dengan penuh bermakna dan bertenaga. Sebelum sesuatu kehidupan boleh dijalankan dengan baik, manusia yang terbentuk secara makronya dari tiga komponen asas; (Ruh, Jasad dan akal) perlu diberikan makanan dan sumber tenaga khusus untuk ketiga elemen ini mampu bergerak seperti yang diharapkan. Sumber tenaga untuk jasad adalah makanan dan minuman, ruh memerlukan iman, taqwa dan ibadat untuk terus hidup dan akal pula memerlukan ilmu pengetahuan demi untuk menjadikannya lebih berfungsi dengan cukup baik.
- (c) Proses pembentukan seseorang remaja yang boleh bertindak sebagai intelektual ummah yang berjiwa tauhid dan mengamalkan konsep "amar makruf nahi mungkar". Akan tetapi, sebelum proses pembentukan individu intelektual ini dapat ditetapkan di dalam penetapan wawasan sesuatu organisasi, terlebih dahulu kita perlu mengetahui dengan lebih lanjut tentang semua perkara

yang berkaitan dengan intelek, merangkumi; (i) siapa dan bagaimana sifat seseorang intelek Islam, (ii) apakah jenis-jenis intelek yang terdapat dalam realiti semasa dan (iii) bagaimana cara untuk membentuk dan mengasah sifat intelek di dalam diri seseorang Muslim.

**(2) Analisa SWOT yang perlu dibuat terhadap sesuatu organisasi Islam**

Merujuk khusus kepada perkara kedua, iaitu perancangan SWOT (*strength, weakness, opportunity dan treat*), kita boleh menegaskan kekuatan dan peluang utama yang kedapatan di dalam program mengatasi masalah sosial ;

- (a) Islam masih lagi dianggap sebagai relevan untuk masyarakat Melayu, yang terdiri dari pihak kerajaan dan keluarga Melayu moden sendiri yang dilaporkan amat prihatin dengan krisis sosial yang melanda golongan remaja dan secara pasti akan menyokong sebarang usaha untuk mengatasi masalah ini.
- (b) Kewujudan pelbagai program untuk mengatasi masalah sosial yang membabitkan pihak kerajaan dan NGO Islam. Apa yang perlu ditambah adalah semua program ini perlu diperkemaskan lagi dengan diberikan sokongan moral dan material yang sepatutnya, di samping perlu diberikan suntikan Islam yang lebih bersifat "*advance*" di dalam mana-mana program yang kelihatannya agak longgar penghayatan Islamnya.
- (c) Program mengatasi masalah sosial ini boleh mengambil iktibar daripada ajaran Islam itu sendiri yang penuh dengan pelbagai prinsip progresif yang boleh digunakan untuk tujuan mengatasi masalah sosial ini. Antara prinsip yang cukup relevan dalam konteks ini adalah prinsip Sadd Zara'i (menutup sebarang pintu kerosakan yang bakal timbul), prinsip yang memberikan penekanan kepada soal kesepaduan antara akhlak dan sistem nilai Islam di dalam pembentukan peribadi remaja dan menghidupkan prinsip "*Amar Makruf Nahi Mungkar*" yang lebih dinamik. Hal ini boleh dikatakan amat penting memandangkan konsep "*Amar Makruf Nahi Mungkar*" ini dikatakan tidak dijalankan secara seimbang di Malaysia.)

- (d) Kekuatan juga boleh didapati dari perkembangan teknologi maklumat (IT) dewasa ini yang memungkinkan batasan kawasan dipersempitkan (*borderless*) dan hubungan (komunikasi) yang lebih efisien membabitkan usaha mempertingkatkan kesedaran ukhuwah Islam sedunia dan proses mempelajari kaedah mengatasi masalah sosial yang dijalankan oleh negara umat Islam yang lain dapat dilaksanakan. Manakala sumber kelemahan dan ancaman pula boleh dirujuk kepada dua perkara yang utama; pertamanya, sikap masyarakat Melayu sendiri yang amat suka bercakaran sesama sendiri akibat dari semangat fanatik kepartian sempit sehingga melupakan kepentingan untuk membangunkan potensi golongan remaja Melayu-Islam sendiri. Apa yang pastinya, apabila masyarakat Melayu bergaduh sesama sendiri kerana faktor yang remeh temeh ini, kemungkinan kuasa ketuanan politik Melayu-Islam yang kerap dibanggakan lama kelamaan akan hilang berhadapan dengan tekanan kuasa politik bukan Melayu yang semakin bertambah kuat.

Perkara kedua pula boleh dirujuk kepada fenomena hilangnya tahap kesedaran iman diikuti dengan pudarnya semangat ukhuwwah Islam dan apa yang lebih penting lagi adalah gelombang globalisasi moden yang ditaja oleh dunia barat. Tanpa menafikan unsur positif yang dibawakan oleh era globalisasi, kita terpaksa akur dengan kenyataan bahawa lebih banyak unsur negatif yang dibawakan oleh gelombang globalisasi ke atas masyarakat Melayu-Islam, secara khususnya kepada golongan remaja. Hal ini boleh dirujuk kepada beberapa perkara;

(1) **Globalisasi sebagai alat penjajahan ataupun kolonialisme barat bentuk baru terhadap dunia umat Islam selepas era pasca kemerdekaan.**

Bagi Lukman Z. Mohamad dan Abdul Rahman Embong, fenomena globalisasi ini bukanlah perkara baru yang diperkenalkan oleh kuasa barat pada zaman moden ini, tetapi ianya merupakan kesinambungan usaha penjajahan (kolonialisme) kuasa barat yang bermula sejak zaman



kolonialisme klasik yang dipaksakan kepada masyarakat dunia ketiga. Maksudnya, fenomena ini tidak lain dan tidak bukan lebih merupakan agenda Ghawz al-Fikr yang dirancang khusus oleh kuasa barat ke atas umat Islam, bagi tujuan melanjutkan penguasaan mereka terhadap kelangsungan masyarakat Islam.

Dalam soal ini, bertepatan dengan pandangan sarjana barat yang agak sinikal terhadap isu globalisasi ini yang dianggap sebagai imperialisme budaya dan bahasa yang dipaksakan oleh kuasa besar terhadap masyarakat dunia ketiga, sarjana Islam juga telah berusaha memperincikan idea asas globalisasi ini, yang terkandung di dalam fahaman pasca modernisme barat. Hasilnya, mereka telah mendapati bahawa isi utama fahaman ini adalah faham sekularisme lama dalam bentuk baru. Fahaman ini seperti mana halnya dengan fahaman sekularisme klasik merupakan fahaman yang anti agama, menafikan kepentingan warisan budaya ketimuran dan berasaskan budaya hawa nafsu (*sensate culture*).

Atas dasar inilah yang menyebabkan sesetengah sarjana Islam semasa dapat mengenalpasti agenda terkutuk yang dibawa oleh globalisasi tajaan barat yang antara lainnya menyebarkan dan menyakinkan negara umat Islam bahawa neraca kemajuan dan pemodenan samada dalam bidang *material* dan *spiritual* yang paling betul dan baik adalah mengikut acuan sekular-materialisti-sensist barat. Manakala sebarang usaha untuk menjalankan syariah Allah akan dianggap sebagai ketinggalan zaman, boleh menimbulkan huru hara dan bakal menyebabkan kemunduran kemanusiaan. Bahkan globalisasi yang kerap diperkatakan dewasa ini adalah sebenarnya usaha pensejagatan nilai-nilai sekular barat ke seluruh dunia.

Lanjutan daripada propaganda globalisasi ini juga telah diwartakan melalui saluran teknologi maklumat dunia bahawa semua produk barat adalah maju, moden, bermutu dan berperikemanusiaan. Hasilnya, di zaman pasca kemerdekaan (*neo-Kolonialisme*) blok barat telah berjaya meneruskan penjajahan ke atas negara umat Islam dengan senjata yang baru, penguasaan ekonomi global. Hal ini telah ditegaskan oleh Hassan Langgulung dengan;

*"Sistem barat ini di mana ada segala-galanya telah memandang negara-negara dan dunia lain tidak lebih dari pasar-pasar besar yang siap untuk membeli barangnya. Sistem ini telah merubah dunia-dunia lain sekadar sebagai bangsa-bangsa pengguna yang akan menurut telunjuknya, sehingga bila negara-negara tadi menjadi merdeka dan dimerdekakan, sebenarnya dari praktiknya negara-negara tadi hanya memperoleh bendera dan lagu kebangsaan, sedangkan segi-segi kehidupan yang lain seperti ekonomi, kebudayaan, bahasa, pemikiran, kesenian dan lain-lain masih tetap menurut cara barat."*

Pada dasarnya terdapat dua perkara negatif yang boleh dilihat dalam konteks ini. Pertama, fahaman yang menganggap bentuk kebudayaan dan produk barat sebagai maju, baik dan berperni kemanusiaan. Hal ini menyebabkan timbul kecenderungan yang menyatakan bahawa bukti kejayaan hidup seseorang itu boleh dilihat dari amalan dan perlakuannya yang menggilai segala bentuk barangan produk barat, yang kerap dianggap sebagai budaya "*Amerinisation*" dan "*Macdonaldisation*". Keduanya adalah sikap yang terlalu mendewa-dewakan artis dan produk hiburan barat yang ditaja oleh kesemua media massa perdana, sebagai keperluan hidup zaman moden yang harus ditiru, tanpa memikirkan samada kedua-duanya boleh menyumbangkan kepada usaha pengisian minda dan budaya berfikir yang sihat.

**(2) Globalisasi sebagai alat untuk menyebarkan dakwah buruk tentang Islam.**

Agenda globalisasi di dalam penyebaran nilai-nilai sekularisme barat telah dibantu sepenuhnya oleh media massa, samada di peringkat antarabangsa ataupun tempatan. Kritikan hebat juga telah dilakukan khusus kepada pihak media yang sepatutnya memainkan peranan "*amar makruf nahi mungkar*" yang cukup penting di dalam masyarakat. Akibat daripada terlalu terikut-ikut dengan rentak globalisasi ala barat dan terikat dengan kepentingan perniagaan kumpulan tertentu yang menguasai saham kebanyakan media perdana tugas dan peranan suci ini gagal dilaksanakan dengan baik. Hal ini telah ditegaskan dengan cukup menarik oleh salah seorang sarjana Melayu-Islam dengan;

*"media seharusnya berperanan sebagai agen pencerdasan bangsa, mendidik mereka berfikir kritis dan objektif. Tetapi media bertindak sebaliknya, memperbodohkan khalayaknya dengan memanipulasikan fakta sehingga kebenaran tampak sebagai kebatilan dan demikian pula sebaliknya. Dalam kaitan ini, imej Islam sering kali menjadi mangsa manipulasi media, sehingga mengakibatkan pencemaran citra Islam yang dikaitkan dengan keganasan, kekerasan, kebekuan dan pelbagai sifat negatif lain."*

**(3) Globalisasi sebagai alat untuk memperkukuhkan falsafah pendidikan sekular moden.**

Akibat dari pembabitan secara langsung pihak TNC (*transNational company*) yang mendominasi struktur ekonomi dunia dan menetapkan sistem pendidikan ala sekularisme barat sebagai satu-satunya sistem pendidikan yang terbaik bagi era globalisasi, pandangan ini turut dipegang oleh kebanyakan kerajaan Islam yang kononnya merasakan falsafah pendidikan seperti ini amat perlu untuk mewujudkan kemajuan masyarakat.

Pendekatan yang menyokong falsafah pendidikan sekularisme barat ini boleh dikesan dari pelbagai aspek, seperti penumpuan yang lebih tinggi diberikan kepada bidang selain dari pengembangan ilmu pengetahuan di dalam masyarakat, iaitu memberikan tumpuan dan penghormatan yang berlebihan kepada bidang sukan dan hiburan, walaupun kedua-duanya dilihat untuk jangka masa panjangnya tidak memberikan pulangan yang sewajarnya.

Bagi menjelaskan hal ini kita boleh merujuk kepada kecenderungan sesetengah institusi pendidikan tinggi yang terlalu terikut-ikut dengan gesaan pengkorporatan IPTA bagi menghadapi cabaran globalisasi. Bagi Wan Mohd Nor Wan Daud, pendekatan yang memandang tinggi kegunaan ilmu-ilmu sains, ekonomi, pengurusan, IT dan teknologi sehingga sanggup menghina kegunaan ilmu-ilmu agama, yang dianggap sebagai tidak berguna untuk konteks zaman moden. Bahkan terdapat semacam kecenderungan yang menganggap kelangsungan keilmuan dan kesedaran agama sebagai membazirkan sumber kewangan negara.

Apa yang membimbangkan lagi, seperti mana disuarakan oleh kalangan pemikir Melayu semasa, agenda globalisasi telah mengurangkan kawalan pihak kerajaan terhadap institusi universiti yang menyebabkan kebanyakan IPTA berusaha menjadikan diri mereka seperti kilang yang menghasilkan graduan yang kononnya kompeten untuk kehendak pasaran semasa. Pertukaran matlamat universiti ini, seperti mana ditegaskan dalam pendidikan klasik barat dan Islam, daripada *"sebagai sumber untuk pembinaan peradaban, memperkuat unsur kemanusiaan melalui pembentukan peribadi dan intelek yang mampu melihat, memahami dan menyesuaikan diri dengan perubahan dan pergolakan masyarakat semasanya"*, kepada suatu falsafah pendidikan utilitarian ala rasional ekonomi (*economism*) berasaskan model korporat dunia perdagangan telah mencalarakan peranan universiti sebagai institusi sosial yang memupuk budaya intelektual dan pemikiran yang baru, bebas lagi kritis. Hasilnya, lulusan daripada universiti yang menggunakan falsafah ini akan melahirkan lulusan yang berbentuk *"careerist"*, yang tertumpu hanya kepada soal kerjaya semata-mata dan tidak mempedulikan soal penggunaan daya intelektualnya untuk kesejahteraan masyarakat.

Bukan setakat itu sahaja, bahkan sebarang subjek yang biasanya dipelajari di dalam sistem pendidikan biasa, seperti pengajian Islam, sains sosial, sejarah dan sebagainya akan dianggap sebagai tidak berguna kerana tidak dapat mendokong kepada usaha mewujudkan idea kemodenan ala barat. Dalam soal ini, seorang pemikir tempatan telah menegaskan:

*"kita telah menyarankan bahawa tidak semua kebaikan itu berlaku apabila kita maju ke hadapan. Dalam hal-hal kebudayaan dan keagamaan Islam contohnya, kebaikan yang paling tinggi ialah untuk mencontohi Rasulullah S.A.W serta Awliya dan hukama' yang berada di belakang kita dari segi sejarahnya. Besar kemungkinan bahawa justeru istilah taqaddum, maju ke hadapan, dianggap satu-satunya makna pembangunan sebenar, maka ramai orang tidak menganggap penting perkara-perkara yang berkaitan dengan sejarah*

*silam, dan mengenenpikan pendidikan sejarah. Bagi mereka, pendidikan sejarah dan sikap pensejarahan adalah sikap dan usaha yang menoleh ke belakang yang melawani kemajuan dan pembangunan.*

## KESIMPULAN

Sebagai rumusan akhir, dapat kita katakan bahawa program pembangunan potensi insan yang lebih menjurus kepada pembinaan insan remaja Melayu yang bertaqwa boleh dianggap sebagai ubat yang paling mujarab untuk mengatasi masalah sosial remaja di Malaysia. Usaha ini walaupun agak sulit untuk dilakukan dalam konteks Malaysia semasa, yang penuh dengan halangan berbentuk dalaman dan luaran, kita terpaksa berjihad untuk komited melakukannya dengan secara terancang menggunakan pendekatan strategik Islam seperti dijelaskan dengan panjang lebar di dalam kertas kerja ini, demi untuk memastikan agar generasi remaja Melayu-Islam yang bakal memegang tampuk kepimpinan negara dapat disediakan dengan cukup baik.

## RUJUKAN

- Khoo Boo Teik, "*Nationalism, capitalism and Asian values*", dalam *Democracy in Malaysia: discourse and practices*, Richmond, Surrey, 2002, hlm 70-73.
- Mohd Zuhdi Marsuki dan Amer Saifude Ghazali, *Etika alam sekitar daripada persektif Islam, timur dan barat*, Kuala Lumpur:Penerbitan PTS, 2002, hlm 118-135.
- Wan Mohd Nor Wan Daud, *Pembangunan di Malaysia: ke arah suatu kefahaman baru yang lebih sempurna*, Kuala Lumpur, 2001, hlm 2-3.
- Mohammad Shatar Sabran, "Internet dan pembangunan minda remaja", dalam *Teknologi maklumat dan komunikasi: Harapan, cabaran dan Barakah*, Alor Setar: INSANIAH, 2001,
- Rahimin Affandi Abd. Rahim, "Pemikiran Reformis Melayu semasa: satu analisis", dalam *Seminar Kebangsaan Bahasa dan Pemikiran Melayu 2002*, Anjuran Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, pada 18-19hb Jun 2002.
- Kajian yang menggunakan geran penyelidikan vote F Universiti Malaya pada tahun 1999 telah dilakukan oleh Dr Che Zarrina Sa'ari, yang kemudiannya diterbitkan sebagai "Penyakit gelisah (Anxiety/al-Hulu') dalam masyarakat Islam dan penyelesaiannya menurut Psiko-Spiritual Islam", dalam *Jurnal usuluddin*, v. 14,2001, hlm 1-22.
- Mohd Taib Ariffin dan Che Su Mustafa, "Era ledakan teknologi maklumat: Isu-isu berkaitan pendedahan terhadap internet di kalangan remaja", dalam *Teknologi maklumat dan komunikasi:Harapan, cabaran dan Barakah*, Alor Setar: INSANIAH, 2001, hlm 11-32.
- Muhd Mansur Abdullah, "Renggangnya hubungan keluarga punca masalah sosial remaja", dalam ed. Oleh Mohd. Razali Agus *Pembangunan dan dinamika masyarakat Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan publication, 2000, hlm 142-151.

Nur Atiqah Tang Abdullah, "Pendidikan emosi: Kesejahteraan sosial pelajar dan masyarakat menjelang alaf baru", dalam ed. Abdul Latif Samian dan Mohamad Sabri Haron Prosiding persidangan kebangsaan Pengajian umum di Alaf baru, Bangi:Pusat Pengajian Umum, UKM, 2000, hlm 293-295.

Muhd Mansur Abdullah, "Renggangnya hubungan keluarga punca masalah sosial remaja ", hlm 147.

Zakaria Stapa, Akidah dan akhlak dalam kehidupan Muslim, Kuala Lumpur:Utusan publication, 1999, hlm 50-61.

Rahimin Affandi Abd. Rahim, "Bohsia: fenomena biasa masyarakat maju", dalam Majalah Dakwah, bil. 210, November 1994, hlm 11-14.

Rokiah Haji Ismail, "Salah laku di kalangan pelajar sekolah menengah: Pengalaman bersama keluarga, rakan sebaya dan sekolah", dalam ed. Oleh Abdul Rahman Embong. Negara, pasaran dan pemodenan Malaysia, Bangi, hlm 461-497.

Aishah @ Esah Haji Mohamed, "Penyebaran Aids di Malaysia: Satu persektif sosiobudaya ", hlm 538-544

Md. Nor Othman, "Tabiat Media generasi muda Melayu bandar: Satu kajian perbandingan dengan bukan Melayu", dalam Alam Melayu. V. 2, 1994, hlm 58-82.

Wan Mohd Nor Wan Daud, Penjelasan budaya ilmu, Kuala Lumpur: DBP, 1997, hlm 50-52.

Wan Mohd Nor Wan Daud, Pembangunan di Malaysia: ke arah suatu kefahaman baru yang lebih sempurna, hlm 125-129.

Wan Azam Wan Mohd Amin, "Punca ajaran sesat: akibat kekosongan jiwa", dalam majalah Dakwah, bil. 214, Mac 1995, hlm 28-30.

Badlihisam Mohd Nasir, "Dakwah dan senario politik umat Islam", dalam ed. Zulkiple Abd. Ghani Kepimpinan Dakwah dan politik Islam, Bangi : UKM, 1999, hlm 131-132



Rahimin Affandi Abd. Rahim, "Krisis remaja dan media massa di Malaysia: Satu tinjauan dari perspektif Islam", dalam Jurnal Usuluddin, bil. 10, 1999, hlm 125-134.

Abdul Rahman Abdullah, falsafah dan kaedah pemikiran, Kuala Lumpur: Utusan publication, 2001, hlm 150-153.

Salasiah Abd. Wahab, "Madonna, Pascamoden dan Kebudayaan Popular", dalam Jurnal YADIM. bil 2, 2001, hlm 15-20.

Siddiq Fadzil, "Ledakan maklumat, revolusi komunikasi dan globalisasi: implikasi terhadap jati diri", dalam Teknologi Maklumat dan komunikasi:harapan, cabaran dan barakah, INSANIAH, Alor Setar, 2001, hlm 62-65.

Abdul Rahman Abdullah, Falsafah Dan Kaedah Pemikiran. hlm 145.

Mahmood Zuhdi Ab. Majid, Bidang kuasa Jenayah Mahkamah Syariah di Malaysia, Kuala Lumpur: DBP, 2001, hlm 61-83 dan 155

Rahimin Affandi Abd. Rahim, "Pemikiran Reformis Melayu semasa: satu analisis", dalam Seminar Kebangsaan Bahasa dan Pemikiran Melayu 2002, Anjuran Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, pada 18-19hb Jun 2002.

Abdul Rahman Embong, "Faktor Ideologi Politik Dan Budaya Dalam Penutupan Minda Melayu Islam", dalam Persidangan Isu Dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, pada 29-31 Januari 2002, hlm 10-11.

Abu Bakar Hamzah, Al-Imam: *Its Role In Malay Society 1906-1908*, Kuala Lumpur, 1981, hlm 54-55.

Mohd Affandi Hassan, "Pendekatan Tauhid dalam pengurusan awam: konsep, prinsip dan model alternatif", dalam Kecemerlangan pentadbiran: Dasar dan amalan dalam Islam, Kuala Lumpur: INTAN, 1990, hlm 29-31.

Azyumardi Azra, *Esei-esei intelektual Muslim dan pendidikan Islam*, Jakarta: Logos wacana ilmu, 1998, hlm 5-7.

Badlihisam Mohd. Nasir, *Islamic movements in Malaysia: A study of Da'wah in PAS and ABIM*, Tesis Ph.D untuk University of Birmingham, 1998, hlm 190-300.

Shukri Ahmad, "Implikasi pengaruh ulama terhadap halatuju perubahan pemikiran politik masyarakat Islam wilayah utara Semenanjung Malaysia dari tahun 1950an hingga 1990an", dalam *Jurnal Usuluddin*, bil. 14, 2001, hlm 120-121.

Ghazali Basri, "Moral dan etika: Huraian konsep dan permasalahan dalam konteks pelaksanaan nilai murni di sekolah-sekolah", dalam *Jurnal Pendidikan Islam*, v.3, bil. 2, 1990, hlm 51-54.

Abd Halim el-Muhammady, "Pendidikan Islam era 2020: Penghayatan menyeluruh", dalam *Pendidikan Islam era 2020: Tasawur dan Strategi*, Kajang: Percetakan Bintang Jaya, 1993, hlm 18-19.

Azyumardi Azra, *Esei-esei intelektual Muslim dan pendidikan Islam*, hlm 43-45.

Muhammad Abu Bakar, "Dakwah di persimpangan : Halatuju dan masa depan Islam di Malaysia", dalam ed. Oleh Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, *Dakwah gerakan Islam alaf baru*, Bangi: UKM, 2000, hlm 207-219.

Wan Mohd Nor Wan Daud, *The concept of knowledge in Islam and its implications for education in a developing country*, London: Mansell Publishing Limited, 1989, hlm 97-98.

Mohd Taib Dora, *Peminggiran sosial: Keluarga Melayu termiskin bandar*, Skudai: UTM, 2000, hlm 104-106 dan 115-116.

Abd Halim el-Muhammady, "Pendidikan Islam era 2020; Penghayatan menyeluruh", *Pendidikan Islam era 2020: Tasawur dan Strategi*, Kajang: Percetakan Bintang Jaya, 1993, hlm 18-19.

Ghazali Basri, "Sistem pendidikan Islam: Satu tinjauan awal dalam konteks pendidikan nasional", dalam *Jurnal Pendidikan Islam*, v.9, bil.1, 2000, hlm 37.

Ghazali Basri, "Moral dan etika: Huraian konsep dan permasalahan dalam konteks pelaksanaan nilai murni di sekolah-sekolah", dalam *Jurnal Pendidikan Islam*, v. 3, bil. 2,1990, hlm 51-54.

Abd. Rauf Dalip, "Pendidikan Islam dalam Kurikulum bersepadu sekolah menengah: Ke arah amalan dan penghayatan nilai Islam", dalam *Jurnal Pendidikan Islam*, v. 3, bil. 2, 1990, hlm 38-45.

Ab. Aziz Mohd Zin, "Aktiviti-aktiviti dakwah untuk menarik golongan remaja", dalam *Seminar Dakwah peringkat Kebangsaan, Anjuran Akademi Islam Universiti Malaya*, pada 16hb. Julai 1994, hlm 2-4.

Syarifah Hayaati Syed Ismail, "Perancangan strategik dalam pentadbiran Islam: suatu tinjauan perbandingan", dalam *Jurnal Syariah*, v. 9, bil. 1, 2001, hlm 47-56.

Muhammad Abdul Rauf, *The Muslim mind: A Study Of The Intellectual Muslim Life During The Classical Era (101-700H)*, Kuala Lumpur, 1995, hlm 43-49.

Muhammad Zainiy Uthman, "Islam, Sains Dan Pemikiran Objektif: Suatu Perbandingan Ringkas", dalam *Jurnal YADIM*, bil. 2, November 2001, hlm 146-148.

Rahimin Affandi Abd. Rahim, "Keistimewaan Islam sebagai sistem hidup yang lengkap", dalam *Seminar Keindahan Islam 2003 Peringkat Negeri Sembilan Darul Khusus, Anjuran Bahagian Dakwah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan*, di Pusat Dakwah Islamiah Negeri Sembilan, Seremban, pada 25hb. Mac 2003, hlm 3-5.

Rahimin Affandi Abd. Rahim, "Memperkasakan budaya berfikir Islam: satu analisis", dalam *Jurnal Afkar*, bil. 3, 2002, hlm 57-80.

Rahimin Affandi Abd. Rahim, "Dakwah dan jalinan intelektual di rantau Alam Melayu-Indonesia: satu analisa sejarah", dalam Seminar Antarabangsa pengajian Dakwah Indonesia-Malaysia, anjuran bersama Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara dan Fakulti Pengajian Islam, UKM, pada 18hb. Mei 2002, di Medan, Indonesia.

Mohd Razali Agus, "Etos budaya kerja masyarakat Melayu bandar", dalam ed. Oleh Mohd Razali Agus Pembangunan dan dinamika masyarakat Malaysia, Kuala Lumpur: Utusan publication, 2000, hlm 285-294.

Mohd Salleh Haji Ahmad, Pengantar Syariah Islam, Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid, 1999, hlm 229-231.

A.H. Hashimi, "On Islamizing the disciplines of Psychology", dalam Ed. Oleh Ismail Faruqi, Social and Natural sciences: The Islamic perspective, Jeddah: King Abdul Aziz University, 1981, v. 1, bab 4, hlm 57-58.

Husin Mutalib, *"Islamization in Malaysia: Between ideals and realities"*, dalam Islam, Muslims and the modern state: Case studies of Muslims in Thirteen countries, London: Mac Millan press, 1994, hlm 166-167.

Ahmad Jamali Sepihie, "Multimedia sebagai pemangkin kesatuan ummah", dalam Multimedia dan Islam, Kuala Lumpur, 1999, hlm 129-144.

Abdul Rahman Embong, "Faktor Ideologi Politik Dan Budaya Dalam Penutupan Minda Melayu Islam", hlm 10-11.

Shukri Ahmad, "Implikasi pengaruh ulama terhadap halatuju perubahan pemikiran politik masyarakat Islam wilayah utara Semenanjung Malaysia dari tahun 1950an hingga 1990an", hlm 110-111.

Mohd. Jamil Sulaiman, "Peluang Ummah dalam pembangunan Multimedia", dalam Multimedia dan Islam, Kuala Lumpur, 1999, hlm 145-156.

Lukman Z. Mohamad, "Globalisasi dan budaya global: ancaman baru kepada masyarakat dunia", dalam Globalisasi di Malaysia, Kuala Lumpur: Utusan publication 2003, hlm 9-14.

Abdul Rahman Embong, "Wacana globalisasi", dalam Malaysia menanggapi globalisasi: peserta atau mangsa, Bangi: UKM, 2000, hlm 27-28.

Asep Syamsul M. Romli, Demonologi Islam: upaya Barat membasmi kekuatan Islam, Jakarta, 2000, hlm 8-19.

Lukman Z. Mohamad, "Globalisasi dan budaya global", hlm 9-12.

Mohd. Yusof Hj. Othman, "Teknologi maklumat, harapan dan cabaran di Alaf baru", dalam Teknologi Maklumat dan komunikasi: harapan, cabaran dan barakah, Alor Setar : INSANIAH, 2001, hlm 44.

Zakaria Stapa, "Negara Malaysia yang maju dan berakhlak mulia: realiti dan kemungkinan", dalam Jurnal IKIM, V. 5, NO.1, 1997, hlm 123-145.

Md. Salleh Yaapar, Ziarah ke Timur, Kuala Lumpur: DBP, 2002, hlm 6-13.

Zakaria Stapa, "Ancaman pasca moden dan fahaman Modenisme terhadap akidah dan akhlak umat Islam masa kini", dalam al-Maw'izah, v. 7, 1999, hlm 1-14.

Hashim Musa, Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam: Ke Arah Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Ketiga, Kuala Lumpur: APMUM, 2001, hlm 36.

Hassan Langgulung, Menghadapi abad kedua puluh satu, Syarahan Perdana jawatan Profesor Universiti Kebangsaan Malaysia, pada 29 Oktober 1987, Bangi, 1993, hlm 31.

Rahimin Affandi Abd. Rahim, "Orientalisme dan keutuhan ummah Islam: satu analisis", dalam Jurnal Syariah, v. 9, bil. 1, 2001, hlm 39-40.

Abdul Rahman Embong, "Faktor Ideologi Politik Dan Budaya Dalam Penutupan Minda Melayu Islam", dalam Persidangan Isu Dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, pada 29-31 Januari 2002, hlm 6-7.

Salasiah Abd. Wahab, "Madonna, pascamoden dan kebudayaan popular", dalam Jurnal YADIM, bil. 2, 2001, hlm 15-20.

Md Sidin Ahmad Ishak, "Sekularimse dalam Media massa", dalam Jurnal Tasawwur Islam, v. 6, 2000, hlm 91-101.

Muhammad Abu Bakar, "Pendirian dan pembangunan: Islamisasi dan isu-isu semasa, dengan rujukan kepada tugas generasi ulul Albab dalam abad ke-21", dalam Islam dan masyarakat maju, Kuala Lumpur: DBP, 1993, hlm 39-48.

Wan Mohd Nor Wan Daud, Pembangunan di Malaysia: ke arah satu kefahaman baru, Kuala Lumpur: ISTAC, 2001, hlm 125-129.

Noraini Othman, "Globalisasi, pendidikan dan modeniti di Malaysia", dalam Malaysia menanggapi globalisasi : peserta atau mangsa, hlm 153.

- (i) pelaksanaan dasar penswastaan dasar pendidikan negara,
- (ii) pengkorporatan universiti awam; dan
- (iii) penyaluran kemasukan sistem pendidikan antarabangsa melalui program twinning.

Muhammad Kamal Hasan dalam Intellectual discourse at the end of the second Millennium: Concerns of a Muslim-Malay CEO, Kuala Lumpur: UIAM, 2001, hlm 66-67.

Wan Mohd Nor Wan Daud, The educational philosophy and practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas; an exposition of the original concept of Islamization, Kuala Lumpur, 1998, hlm 230.